

SEKAPUR SIRIH (Buku Anugerah Kampung Cemerlang ke-3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah. Anugerah Kampung Cemerlang ke-3 ini dapat dilangsungkan dengan penyertaan yang sangat menggalakkan. Tahun ini ada sebanyak 104 buah kampung yang menyertainya berbanding hanya sebanyak 54 penyertaan pada acara yang sama dua tahun yang lalu. Tentulah itu menandakan bahawa skim AKC semakin mendapat sambutan baik.

Sesungguhnya AKC adalah bertujuan merangsang ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk meningkatkan keberkesanan Majlis-Majlis Perundingan sebagai wadah kepimpinan akar umbi. Menerusinya mereka dapat mendatangkan perubahan yang positif dikalangan penduduk bagi sama-sama mencemerlangkan kampung halaman masing-masing.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menaruh keyakinan bahawa skim AKC dalam proses pelaksanaannya boleh mengukuhkan kerjasama dikalangan sesame penduduk. Mereka akan sama terdorong kepada kehidupan yang sejahtera dan harmoni. Menerusi kerjasama sekampung halaman itu mereka sebenarnya mengekalkan trades iberbaik-baik dikalangan rakyat dan penduduk dengan menghargai perbezaan sambil mengembangkan titik-titik persamaan. Dengan demikian mereka turut menyumbang kepada usaha memelihara keamanan Negara dengan taat mendukung kepimpinan pemerintahan beraja yang menjadi factor penting kemantapan Negara dalam semua bidang.

Oleh yang demikian kepimpinan Majlis-Majlis Perundingan hendaknya tidak sahaja pro-aktif tetapi juga hendaklah bersikap positif. Mereka adalah pemimpin-pemimpin akar umbi yang tidak sahaja mengetahui suka duka rakyat dan penduduk malah turut sama merasakannya. Dalam waktu yang sama mereka hendaklah sentiasa mengukuhkan jalinan kerjasama dengan semua sector kerajaan untuk sama-sama mengatasi sebarang masalah yang berbangkit. Mereka bukanlah orang

yang layak untuk *camahmata* apalagi *berlepas taksir*. Dalam hubungan ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan sentiasa *mengemaskan* Majlis-Majlis Perundingan dengan maksud untuk terus menambah keberkesanan nya selaku wadah kepimpinan akar umbi.

Sehubungan dengan itu skim Anugerah Kampung Cemerlang hendaknya akan terus berfungsi sebagai pemangkin kepimpinan yang berkesan peringkat akar umbi. Untuk itu aspek-aspek *kecemerlangan* yang dinilai dalam penganugerahan akan sentiasa dikaji untuk menambah-luaskan skopnya. Dan sebagaimana kita menaruh keyakinan bahawa Majlis-Majlis Perundingan adalah mempunyai masa hadapan yang lebih bererti maka sedemikianitu pula kita berkeyakinan kepada skim AKC adalah akan Berjaya merealisasikan kecemerlangan kampong halamannya.

Demikianlah adanya.

- *Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman.*
(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri).